




Strategi Menyingkirkan (Mematikan) Pemukul dalam Situasi Permainan

Cara pemukul disingkirkan:

- 1  Pemadang atau wicket keeper berjaya membaling pada wicket dengan bola sebelum pemukul berjaya melepasi crease dengan bat atau bahagian badan.
- 2  Pemukul dan bat tidak berada dalam crease serta penjaga wicket telah menjatuhkan bails dengan menggunakan bola.
- 3  Pemukul memukul wicket dengan bat semasa membuat pukulan sama ada sengaja atau sebaliknya.
- 4  Pemukul menghalang pemadang daripada mengambil bola.
- 5  Pemukul lambat hadir ke dalam padang permainan selepas dua minit pemukul terakhir keluar.
- 6  Pemukul tidak boleh memukul bola dua kali dalam satu masa.
- 7  Pemadang menangkap bola yang dipukul oleh pemukul di udara sebelum menyentuh padang.
- 8  Pemukul tidak boleh menggunakan tangan untuk menangkap bola yang menuju ke wicket atau ke pemadang.
- 9  Bola yang dibaling oleh bowler terkena pada wicket tanpa dipukul oleh pemukul.
- 10  Bola yang dibaling ke arah wicket terkena pada pads pemain dan pada pendapat pengadil, bola tersebut akan terkena stumps. Pemukul akan dikeluarkan berdasarkan appeal "How's that umpire?" oleh pasukan pemadang.

TIMED OUT

CAUGHT

BOWLED

HIT THE BALL TWICE

OBSTRUCTING THE FIELD

RUN OUT

HIT WICKET

STUMPED

LEG BEFORE WICKET

HANDLED BALL